

09 FEB 2004

PENAHANAN CHIA IKUT PROSES UNDANG-UNDANG, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini berkata penahanan bekas Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd Tan Sri Eric Chia Eng Hock adalah menurut proses undang-undang di negara ini.

Najib berkata semua pihak perlu menyerahkan kes itu kepada penentuan mahkamah.

"Biarlah apa-apa proses itu ditentukan mengikut proses undang-undang, sama ada bersalah atau tidak terpulang kepada penentuan mahkamah nanti. Kita tunggu (keputusan mahkamah)," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai penahanan itu hari ini.

Najib berkata demikian kepada pemberita sebelum menghadiri Majlis Regimental Jasamu Dikenang untuk Tun Dr Mahathir Mohamad anjuran Kementerian Pertahanan di sebuah hotel di sini.

Chia ditahan hari ini oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) selepas siasatan bertahun-tahun berhubung kerugian bernilai berbilion ringgit yang dialami oleh syarikat pengeluar besi waja itu.

Penahanan beliau dimaklumkan dalam kenyataan dua perenggan yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara dan BPR.

Menurut kenyataan itu Chia, 71, ditangkap oleh sepasukan anggota BPR di kediamannya di Petaling Jaya pada pukul 3.45 petang ini dan akan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, esok.

-- BERNAMA

NER RV ROS